

Sidang Dewan Rakyat

'Rasionalisasi subsidi RON95 tak dilaksanakan dalam masa terdekat'

Kerajaan teliti kesan penyasaran elektrik, diesel sebelum buat keputusan

Laporan Mohd Nasaruddin Parzi, Latifah Arifin dan Muhammad Yusri Muzamir
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri mengesahkan belum ada kertas dasar dibawa ke Kabinet bagi tujuan rasionalisasi subsidi dilaksanakan ke atas petrol RON95.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jangkaannya, penyasaran semula subsidi bagi tujuan itu tidak akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

"Belum ada kertas dasar yang boleh membawa kita untuk melaksanakannya (rasionalisasi subsidi RON95) dengan cepat. Ada kajian dari dulu, tetapi kita fikir lebih baik lihat dulu langkah (penyasaran) ke atas elektrik dan diesel.

"Lihat dulu kesannya dan bagaimana reaksi rakyat. Barulah (selepas itu) kita sedia berunding apakah (ada) keperluannya," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PN-Pasir Mas) yang ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95.

Anwar bagaimanapun berkata, pada hematnya, penyasaran se-

mula subsidi petrol RON95 wajar dilaksanakan sejak dulu lagi, namun beliau sedar ada pelbagai kekangan yang menyukarkan pelaksanaan semula subsidi bagi bahan api itu.

"Kalau tanya saya, (penyasaran semula) subsidi RON95 patut sudah dilaksanakan lama dulu. Tetapi ini tak mudah, masalah kita hadapi adalah 3.8 juta orang asing guna minyak ini, begitu juga orang kaya, ini yang mesti dan amat penting untuk kita hentikan," katanya.

Mengulas isu penurunan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI), Anwar berkata, kerajaan tidak bimbang dengan rekod tahun lalu, berikutan nilai keseluruhan pelaburan negara sudah mencatatkan peningkatan.

Katanya, ini antara lain disokong dan diimbangi oleh aliran masuk pelaburan domestik yang kukuh.

"FDI memang menurun pada 2023, tetapi pelaburan keseluruhannya tertinggi kerana peningkatan mendadak pelaburan domestik. Sebab itu, kita tidak bimbang melihat angka suku pertama 2024, yang mana pelaburan asing meningkat.

"Saya tidak punyai angkanya sekarang, tetapi sudah diumumkan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bahawa angka untuk 2024 jauh lebih tinggi daripada yang diunjurkan sebelumnya dan diberikan secara terperinci nama syarikat serta jumlah pelaburannya," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai).

Menjawab soalan tambahan Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur), Anwar berkata, Malaysia kini su-



Anwar pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

dah menjadi hab semikonduktor di rantau ini dan semua perhatian diberikan untuk melonjakkan pelaburan dalam negara.

Justeru, beliau berkata, dua cabaran dikenal pasti dalam memenuhi keperluan pelaburan iaitu menyiapkan infrastruktur, termasuk tenaga hijau dan air serta menyediakan bakat dan kepakaran tempatan.

Kerjasama baik Sultan Perak
Sementara itu, Perdana Menteri berkata, projek pengurusan air di Sungai Perak yang sebahagiannya digunakan untuk pembekalan air ke Pulau Pinang dan menampung keperluan industri akan dimulakan tahun ini.

Beliau berkata, pelaksanaan projek berkenaan dapat dipercepat selepas beberapa isu khusus-

nya berkaitan pemilikan tanah diselesaikan lebih awal, selain kerjasama amat baik daripada Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan kerajaan Perak.

"Kalau (projek membekalkan) 700 juta liter air sehari, saya sudah umumkan ia mudah kerana tanah Kerian milik Sime Darby, jadi tidak ada isu pengambilan tanah, 1,000 ekar (404.7 hektar) itu milik Sime Darby dan mereka setuju (diambil alih).

"Kerajaan Perak pun setuju disegerakan, sebab itu projek berkenaan boleh dimulakan tahun ini juga, iaitu pembesaran dan pemuliharaan Sungai Perak serta penyaluran paip yang dialihkan ke kawasan Kerian dan Seberang Perai khususnya," katanya menjawab soalan tambahan

Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) bertanya sama ada projek berkenaan dapat disegerakan pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

Anwar sebelum ini mengumumkan dana RM4 bilion dipeperuntukkan bagi projek pengurusan air di Sungai Perak, satu langkah jangka panjang bagi menyelesaikan isu air termasuk bagi tujuan tanaman dan bekalan air terawat untuk minuman serta keperluan industri.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, langkah penyelesaian terhadap isu permintaan bekalan air tinggi oleh Pulau Pinang juga dapat diputuskan sebaik Perak bersetuju menjual sumber airnya bagi menampung sebahagian kawasan di negeri jirannya itu.